

Pas izin penceramah memaki hamun — PM

Oleh YAHAYA AHMAD
dan SOPHA SULAIMAN

LANGKAWI 19 Feb. — Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad berkata, jika Pas benar-benar berjuang mengikut landasan agama yang betul, pemimpinnya tidak sepatutnya mengizinkan para penceramah parti itu memaki hamun dan membuat pelbagai tuduhan palsu terhadap pemimpin kerajaan dan ahli UMNO.

“Mereka tidak patut mengizinkan penceramah-penceramah parti itu membuat tuduhan palsu atau cara berkempen yang tidak bertanggungjawab sama sekali,” ujar Perdana Menteri.

Keadaan itu, tambahnya, bertentangan sama sekali dengan dakwaan pemimpin parti itu kononnya Pas berjuang mengikut landasan agama tetapi apa yang dilakukan adalah sebaliknya.

Beliau berkata sebagai contoh cara berkempen yang dilakukan oleh Mohamad Sabu cukup buruk sekali dengan memaki hamun orang lain dan melempar-

kan pelbagai tuduhan palsu.

Menurut Dr. Mahathir Mohamad Sabu sampaikan sanggup melontarkan tuduhan kononnya beliau menjual tanah kepada Kerajaan Kedah untuk pelaksanaan projek pembangunan di Langkawi.

“(Perkara) ini tidak pernah (berlaku) sama sekali... Dia (Mohamad Sabu) tak takut nak berbohong walau dalam bulan puasa sekarang,” tegas Dr. Mahathir.

[Lagi laporan di muka 5]

Dalam pada itu, Dr. Mahathir menghargai keputusan pucuk pimpinan Pas yang memberi jaminan tidak akan mempertahankan Naib Ketua Dewan Pemuda. Mohamad Sabu jika disabitkan dengan tuduhan khalwat yang dihadapinya.

Dr. Mahathir berkata Pas sepatutnya dari awal-awal lagi tidak cuba mempertahankan Ahli Parlimen Nilam Puri itu apabila dia ditangkap berkhawat de-

■ **Lihat muka 2**

Pas izin penceramah memaki hamun — PM

ngan seorang suri rumah, Norma Abdul Halim di sebuah hotel di Kota Bharu pada 31 Januari lalu.

“(Kalau) Mat Sabu salah, mengaku salahlah atau sekurang-kurangnya tunggulah sehingga mahkamah membuat keputusan. Jangan ganggu (proses) mahkamah.

“Saya ucap tahniah kepada Pas kalau tak pertahankan Mat Sabu. Jangan fikir semua orang Pas baik-baik belaka... ada juga yang jahat,” tegas beliau.

Dr. Mahathir berkata demikian kepada para pemberita di lapangan terbang di sini sebelum berlepas pulang ke Kuala Lumpur hari ini.

Turut mengiringi lawatan kerja dua hari Perdana Menteri ke Langkawi ialah isterinya, Datuk Seri Datin Paduka Dr. Siti Hasmah Mohd. Ali, Exco Kerajaan Kedah, Datuk Abu Bakar Taib dan para pegawai kanan kerajaan.

Perdana Menteri diminta mengulas kenyataan Yang Dipertua Pas, Fadzil Noor pada ceramah umum di Markas Pas Darul Ulum Pokok Sena semalam yang berkata bahawa parti itu tidak akan mempertahankan mana-mana pemimpinnya yang bersalah.

Dalam ucapan selepas berbuka puasa bersama penyokong Pas itu, Fadzil berkata, sesiapa saja anggota Pas sama ada pemimpin atasan atau sahabat baik tokoh tertentu tidak terkecuali daripada tindakan jika didapati bersalah.

Pas tidak mengutamakan ketokohan seseorang pemimpin kerana ‘pemimpin boleh datang dan pergi, kata Fadzil.

Dalam perkembangan yang sama **Abu Bakar Sidek** melaporkan dari Teluk Intan, Timbalan Menteri Dalam Negeri, Datuk Megat Junid Megat Ayob menyifatkan tindakan pemimpin Pas menabur fitnah dan mencela kerajaan dalam siri kempen politiknya ke seluruh tanah air, sebagai ‘biadab’ serta bercanggah dengan tata susila orang-orang Melayu dan akidah Islam.

Katanya, beliau hairan bagaimana pemimpin Pas mendakwa parti mereka memperjuangkan Islam, sedangkan para pemimpinnya lebih suka mengutuk peribadi

orang lain dengan berbagai tuduhan liar yang tidak bertanggungjawab.

“Apa yang kita tahu Islam melarang sama sekali perbuatan mencera dan mengutuk peribadi orang lain kerana amalan ini tidak bermoral, tetapi inilah yang menjadi keghairahan golongan muda dalam Pas semasa memberi ceramah ke seluruh tanah air,” katanya kepada pemberita selepas berbuka puasa di Kampung Permatang Guntung di sini malam tadi.

Megat Junid mengulangi amaran Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad, bahawa kerajaan tidak akan berlembut sekiranya taktik kotor Pas itu boleh menjejaskan keselamatan rakyat.

“Kerajaan tidak ada pilihan selain daripada bertindak tegas mengikut saluran undang-undang sekiranya kempen Pas sudah sampai ke tahap menghasut rakyat supaya membenci kerajaan,” tegasnya.

Beliau juga kesal apabila ada pemimpin Pas dengan penuh emosi dan mendabik dada mencabar polis menangkap mereka.

Perangkap

Megat Junid mendedahkan taktik itu merupakan perangkap dengan harapan apabila pemimpin mereka ditangkap oleh polis dan ditahan di bawah Akta Keselamatan Dalam Negeri (ISA), mereka akan menuduh kerajaan mengamalkan kekerasan dan ‘membunuh’ demokrasi.

Menurutnya, pada kesempatan inilah Pas berharap mendapat simpati rakyat kononnya pemimpin mereka yang diberkas kelak tidak diberikan peluang membela diri dan mengajak rakyat mengutuk penangkapan itu.

Megat Junid berkata, langkah Pas itu semata-masa untuk menutup beberapa penyelewengan dan tragedi hitam yang berlaku di kalangan para pemimpinnya seperti kes khalwat Mohamad Sabu kerana mereka bimbang akan kehilangan undi menjelang pilihanraya kelak.

Di samping mengajak Pas bersikap *gentleman* dan berkempen secara bersih, beliau berkata, tidak ada faedahnya rakyat dijadikan sasaran mangsa oleh pemimpin yang gelojoh semata-mata untuk dapat undi simpati.